



قوساتوان سنى سيلت چكق مليسيا

PERSATUAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA (PSSCM) (PPM-004-14-14052013)

Ibu Pejabat PSSCM. No. 708, Tingkat 3, Lot 138, Bangunan Silat Cekak, Seksyen 79, Jalan Sentul, 51000 Kuala Lumpur

Tel : 03-4050 1671 E-mail : psscm@silatcekak.org

SURAT PEKELILING

PENANGGUHAN AKTIVITI DAN KELAS LATIHAN PERSATUAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA SEMASA PKPB

Merujuk kepada sidang media oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kanan Keselamatan dan Menteri Pertahanan Malaysia di media massa pada 12hb Oktober 2020 telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh Negeri Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya berkuatkuasa pada 14hb Oktober 2020 hingga 27hb Oktober 2020.

Sepanjang tempoh pelaksanaan PKPB ini, semua aktiviti Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) melibatkan aktiviti fizikal dan melibatkan ahli yang ramai di kawasan yang telah diumumkan dan berisiko tinggi hendaklah **ditangguhkan** sehingga dimaklumkan kelak.

Ahli-ahli PSSCM dikehendaki merujuk SOP berkaitan dan mengikut arahan pihak berkuasa semasa PKPB. Semua ahli diseru agar bersama-sama menjalankan tanggungjawab memutuskan rantai wabak covid19 ini. Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan Setiausaha Agung PSSCM.

“KITA JAGA KITA”

MOHD HAFIZ BIN JAMIL
SETIAUSAHA AGUNG
PERSATUAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA